

Bahagian A

(21 Markah)


Soalan 1 hingga 21

Pilih dan bulatkan jawapan yang sesuai.



1 Rifqi _____ tangga untuk memperbaiki kerosakan pada bumbung.

- A mendaki
- B memanjat
- C menolak



2. Fatimah membeli _____ kek sempena hari jadi adiknya.

- A sekerat
- B sebijir
- C sepotong

3. Asyraf _____ buku cerita yang dipinjamnya kepada Arif.

- A membeli
- B memulangkan
- C meminjam



4. Ayah telah menghadiahkan ibu se_____cincin permata.
A bentuk
B bilah
C biji
5. Khadijah, Aminah dan Ainul bersahabat karib. _____juga mempunyai hobi yang sama.
A Mereka
B Kamu
C Saya
6. Ahmad nyaris terkorban dalam kebakaran rumahnya. Mujurlah _____ berjaya menyelamatkan diri sebelum api marak.
A kami
B mereka
C dia
7. Encik Ishak berjalan kaki di tepi pantai _____ menikmati permandangan yang indah.
A dan
B tetapi
C sambil
8. Ammar mengirimkan sepucuk surat _____rakannya yang berada di luar negara.
A dengan
B kepada
C daripada

9. _____, kamu sudah sampai!
- A Eh
 - B Cis
 - C Amboi
10. _____, sakitnya perutku ini kerana termakan nasi basi!.
- A Syabas
 - B Oh
 - C Aduh
11. Aisyah suka membaca buku, maka dia digelar _____.
- A buta huruf
 - B putih tulang
 - C ulat buku
12. Ariff amat disayangi oleh ibu bapanya kerana dia _____.
- A anak emas
 - B anak buah
 - C cahaya mata
13. _____ yang dijual di kedai itu segar-segar belaka .
- A agar-agar
 - B sayur-sayuran
 - C kuih-muih
14. Di _____ rumah Adam dan Ilman terdapat sebuah taman permainan.
- A antara
 - B atas
 - C bawah

15. _____kah kakak kamu membuat kek coklat ini, sedap sungguh rasanya?
- A Siapa
 - B Apa
 - C Bagaimana
16. _____kah ibu kamu akan bertolak ke Johor?
- A Bagaimana
 - B Bila
 - C Siapa
17. " _____basuh buah manga yang berada di atas singki itu,"kata kakak.
- A tolong
 - B sila
 - C jangan

Soalan 18-20

Baca petikan, kemudian jawab soalan berikut.

Encik Mazlan ialah usahawan buah jambu batu. Beliau telah mengusahakan tanaman tersebut selama enam tahun. Kini, beliau mempunyai empat ribu batang pokok jambu batu.

Kejayaan Encik Mazlan ini menjadikan beliau pembekal buah jambu batu utama di utara Semenanjung Malaysia. Beliau hanya menjual jambu batu yang kualiti sahaja di pasaran. Bagi jambu yang tidak berkualiti Encik Mazlan akan memprosesnya menjadi jus jambu batu asli. Jus jambunya juga mendapat permintaan tinggi daripada pembeli oleh kerana rasa aslinya yang sangat sedap.

Harapan Encik Mazlan ialah beliau berharap agar dapat meluaskan jualan buah jambu batunya ke seluruh pelusuk negara Malaysia.

18. Apakah produk yang dijual oleh Encik Mazlan?

- A lobak merah
- B kelapa sawit
- C jambu batu

19. Di manakah buah jambu batu Encik Mazlan banyak di jual?

- A selatan Malaysia
- B timur Malaysia
- C utara Malaysia

20. Selain daripada Buah Jambu, apakah produk lain yang diusahakan oleh Encik Mazlan?

- A jus jambu madu
- B jus jambu batu
- C jus delima madu

21. Apakah harapan Encik Mazlan terhadap perniagaannya?

- A dapat menjual buah jambu batu ke seluruh Negara
- B dapat membantu mereka yang dalam kesusahan
- C dapat menghasilkan lebih banyak jus jambu batu

